



JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
Department of Fisheries Malaysia
Ministry of Agriculture and Food Security
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA
MALAYSIA

☎ 03-8870 4426

✉ ukk@dof.gov.my

🌐 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (52)

KENYATAAN MEDIA

JABATAN PERIKANAN MALAYSIA BENARKAN PUKAT TUNDA MUSIM TENGGUJUH SECARA TERKAWAL DEMI KETERJAMINAN MAKANAN

PUTRAJAYA, 03 Disember 2025 Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memaklumkan bahawa pelaksanaan Pukat Tunda Musim Tengkujuh (PTMT) Khas bagi tahun 2025 diluluskan khusus sepanjang tempoh 1 Disember 2025 hingga 28 Februari 2026. Kelulusan ini diberikan secara terkawal dengan mengambil kira keperluan sosioekonomi nelayan serta kepentingan kelestarian sumber perikanan negara dalam memastikan keterjaminan makanan terus berada pada tahap optimum.

Bagi tahun 2025, sebanyak 223 kelulusan PTMT Khas telah dikeluarkan merangkumi empat negeri pantai timur iaitu Terengganu (152 kelulusan), Kelantan (41), Pahang (29) dan satu (1) kelulusan bagi kawasan Johor Timur. DOF menegaskan bahawa semua kelulusan diberikan berdasarkan syarat ketat termasuk penggunaan vesel tradisi kurang 15 GRT, pengendalian oleh pemilik sendiri, pemasangan peralatan keselamatan yang mencukupi serta pematuhan saiz mata pukat melebihi 38 milimeter. Setiap vesel turut diwajibkan memasang Alat Penyisih Penyu (*Turtle Excluder Device*) sebelum kelulusan dikeluarkan sebagai langkah memastikan perlindungan terhadap spesies marin terancam seperti penyu.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Dato' Adnan bin Hussain, menegaskan bahawa PTMT Khas bukanlah kelonggaran bebas kepada vesel Zon A, sebaliknya sebuah mekanisme terurus yang dipantau ketat bagi mengimbangi kelangsungan hidup nelayan ketika musim tengkujuh tanpa menjejaskan sumber ikan negara. Beliau menambah bahawa sebarang ketidakpatuhan akan dikenakan tindakan tegas tanpa kompromi. "Sekiranya terdapat aduan daripada pihak berkepentingan atau bukti pelanggaran syarat, kelulusan PTMT akan dibatalkan serta-merta untuk menjaga keseimbangan ekologi dan komuniti nelayan pantai," tegas beliau.

Sepanjang tempoh operasi, semua vesel PTMT Khas hanya dibenarkan beroperasi melebihi dua batu nautika dari pesisir pantai dan tertakluk kepada waktu operasi dari jam 6 pagi hingga 6 petang.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

myDOF
Perikanan Malaysia

Vesel juga diwajibkan membawa surat kelulusan khas semasa operasi dan sebarang permohonan pelanjutan selepas 28 Februari 2026 tidak dibenarkan sama sekali. DOF turut menjalankan pemeriksaan berkala dan kajian sumber bagi memastikan tahap pematuhan berada pada tahap optimum.

Jabatan Perikanan mengingatkan bahawa tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mana-mana pengusaha PTMT yang melanggar syarat kelulusan. Di bawah Akta Perikanan 1985, Seksyen 8(b), pelanggaran syarat lesen boleh dikenakan denda maksimum sehingga RM20,000 atau penjara atau kedua-duanya sekali. Ketetapan undang-undang ini penting dalam memastikan semua pihak mematuhi peraturan dan menjaga kelestarian sumber perikanan negara.

DOF kekal komited melaksanakan pengurusan perikanan berasaskan sains, bertanggungjawab dan mampan bagi memastikan keterjaminan makanan negara terus terpelihara serta memastikan komuniti nelayan terus berdaya saing dalam jangka panjang.

Pautan gambar :

https://drive.google.com/drive/folders/1r4bZPGuH4V_yYpIJXJQXM6XCQEi0nHkc?usp=drive_link

— TAMAT —

Dikeluarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : ukk@dof.gov.my